

04 OCT 2002

Mahathir-Asean/I

MAHATHIR AKAN BERUCAP PADA SIDANG KEMUNCAK NIAGA INDO-ASEAN

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap pada sidang kemuncak dua hari perniagaan Indo-Asean yang bermula di sini pada 17 Okt.

Selepas mesyuarat sepanjang hari di Delhi, sidang kemuncak itu, yang dijangka memberikan peluang kepada para pemimpin eksekutif dari India dan negara anggota Asean untuk bertemu dan membincangkan strategi dalam pelbagai sektor perniagaan, akan berpindah lokasi ke Hyderabad.

Sidang kemuncak itu dianjurkan Kementerian Hal Ehwal Luar dan Kementerian Perdagangan dan Industri bersama Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India.

Para pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar dilaporkan sebagai berkata sidang kemuncak itu diadakan di dua tempat - New Delhi dan Hyderabad - disebabkan minat khusus yang ditunjukkan oleh Ketua Menteri Negeri India Selatan Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, untuk menarik pelabur dari rantau Asean ke negeri itu.

Apa yang menarik ialah Dr Mahathir, yang tiba di India pada 16 Okt, akan memulakan lawatan tiga harinya ke negara ini, dari Hyderabad.

Di Hyderabad, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Naidu dan melawat bandar teknologi tinggi di situ. Minat utama beliau di ibu kota Andhra ialah terhadap teknologi maklumat.

Dr Mahathir akan tiba di Delhi sekitar tengah hari pada 17 Okt. Selain berucap pada sidang kemuncak perniagaan Indo-Asean itu, beliau dijadual mengunjungi President, Dr A.P.J. Abdul Kalam, dan Perdana Menteri Atal Behari Vajpayee.

Rajiv Sikri, setiausaha tambahan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar, dipetik sebagai berkata bahawa: "sidang kemuncak itu akan menjadi langkah penting dalam evolusi hubungan Indo-Asean."

Sesi perniagaan pada sidang kemuncak itu di Delhi adalah dalam bidang infrastruktur, termasuk jalan, telekomunikasi, lapangan terbang dan jalan keretapi, perkhidmatan kewangan dan insurans, pelancongan, penggalakan perdagangan dan aliran pelaburan serta minyak dan gas.

Sesi di ibu kota Andhra pula adalah mengenai ekonomi, teknologi maklumat, bioteknologi dan farmaseutikal, pembangunan sumber manusia dan hiburan.

India mempunyai perdagangan dua hala US\$10 bilion dengan negara di rantau Asean. Sementara eksport India ke blok dagangan itu bernilai US\$3.6 bilion, import berjumlah US\$6.4 bilion.

Kira-kira 150 pemimpin perniagaan dari Asean dan hampir 220 dari India dijangka menyertai sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

MP RV JK RON